

Sambutan Maal Hijrah 1445H/2023M

Rakyat diseru jaga kesatuan, perpaduan

Seri paduka ajak lakukan penghijrahan minda, suburkan kecintaan kepada tanah air

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,
Nor Atiqah Sulaiman,
Noorazura Abdul Rahman,
Muhammad Zulsyamini Sufian
Suri dan Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayattuddin Al-Mustafa Billah Shah dan tiga Raja Melayu semalam mengajak rakyat menjaga kesatuan serta perpaduan dan sentiasa mensyukuri nikmat keamanan serta kemakmuran yang dikecapai.

Rakyat juga diajak melakukan penghijrahan minda daripada budaya yang negatif kepada positif dan elak bermusuh sebaliknya berkawan dan daripada budaya bersengketa kepada budaya berdamai.

Pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1445H/2023M di sini, Al-Sultan Abdullah mengingatkan rakyat menjauhi perasaan hasad dengki, fitnah memfitnah serta pemikiran prasangka sempit dan negatif yang tidak mendatangkan sebarang faedah kepada bangsa dan negara.

"Beta ingin mengajak rakyat bersatu hati membentuk sebuah masyarakat yang lembut dalam berbicara serta halus dalam berpesan. Harmoni dalam persaudaraan, jujur dalam pekerjaan, amanah menggalas tugas dan gagah perkasa dalam menejpta kejayaan," titah baginda.

Tema sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan tahun ini ialah 'Perpaduan Teras Malaysia MADANI'.

Yang di-Pertuan Agong bertitah, semangat hijrah yang perlu dijalankan rakyat ketika ini

ialah menjaga kesatuan dan perpaduan tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan adat resam demi membangunkan negara pertiwi.

"Penyatuan dan kesepadan Muhajirin dan Ansar 1,400 tahun lalu adalah semangat hijrah yang wajar dijadikan pedoman utama dalam mengurus kepelbagaiannya dan kerencaman negara. Islah ke arah kebaikan mesti bermula dalam hati sanubari sendiri dengan penuh komited dan jujur," titah baginda.

Seri Paduka juga menghargai usaha kerajaan dalam menggerakkan agenda Malaysia MADANI bagi membentuk masyarakat yang menghayati nilai-nilai ihsan, mendokong prinsip keadilan dan mengamalkan semangat toleransi.

"Beta turut menghargai pelaksanaan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama menuju Malaysia MADANI sebagai langkah proaktif untuk menjayakan agenda pembangunan dan pembaharuan ummah.


"Selain itu, semangat dan roh hijrah dalam memupuk sifat amanah dan berintegriti hendaklah sentiasa tumbuh segar di dalam jiwa setiap rakyat," titah baginda sambil menyeru rakyat mensyukuri nikmat keamanan dan kemakmuran negara yang sudah dikecapi hingga kini.

"Suburkan rasa kasih dan kecintaan kita kepada tanah air ini sebagaimana cintanya Rasulullah SAW kepada tanah kelahiran Baginda," titah baginda lagi.

Di Ipoh, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam titah pada Majlis Sambutan Maal Hijrah 1445H peringkat negeri mengajak rakyat melakukan penghijrahan minda daripada budaya yang memilih untuk bermusuh kepada budaya yang memilih untuk berkawan.

"Dari pada budaya yang cenderung bersengketa kepada budaya cenderung berdamai, dari pada budaya berdendam kepada budaya bermaaf-maafan, dari pada budaya menabur janji kepada budaya yang mengotakata kata."

"Dari pada budaya mencari kelemahan kepada budaya menggabungkan kekuatan, dari pada



Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan hadir ke Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1445H/2023M di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

(Foto Aswadi Alias/BH)



Sultan Nazrin menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Perak kepada Jurij Sulaiman di Ipoh, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

budaya menyemarakkan fitnah kepada budaya menegakkan kebenaran, daripada budaya berjaya kecil kepada berjaya besar.

"Daripada ummah yang bersifat munafik kepada ummah yang bertakwa agar ummah di bumi ini menjadi ummah yang dihormati lagi disegani sesama manusia dan dipandang mulia di sisi-Mu," titah baginda.

Titah baginda, umat Islam wajib perlu bersedia melakukan penghijrahan yang lebih luas serta menyeluruh sepanjang masa, meliputi penghijrahan minda serta budaya yang disesuaikan mengikut tuntutan masa, namun tetap memenuhi nilai tauhid supaya tidak terpesong daripada tafsiran hidup sebenar.

"Umat Islam hendaklah bersedia, malah wajib melakukan penghijrahan minda, penghijrahan budaya dan berupaya memahami dan mentafsirkan isu semasa daripada pelbagai dimensi serta berteknologi untuk menangani dan menguasai situasi semasa, terutama revolusi teknologi yang sedang pesat berlaku.

"Penghijrahan minda memerlukan minda yang bersedia keluar daripada kepompong kejahilan dan zon keselesaan. Ia memerlukan minda yang berani merokai pengetahuan, kemahiran, medium dan kaedah baharu yang dirintis selari dengan keperluan zaman," titah baginda lagi.

"Titah Sultan Nazrin, langkah itu juga memerlukan minda yang

dahagakan kemajuan, bijaksana, yang rasional, merdeka yang tidak berjiwa hamba dan yang tidak gentar pada perubahan.

"Penghijrahan budaya adalah kesedian meninggalkan budaya usang, lapuk, digantikan dengan budaya lebih dinamik yang mencerminkan keluhuran budi, mengamalkan disiplin, memiliki maruah dan harga diri, bersifat amanah, jujur, ikhlas bertunjangan prinsip dan nilai Islam," titah baginda.

Tinggalkan tradisi usang

Sultan Perak bertitah, dunia kini yang terus bergelombang memerlukan manusia yang bersedia menerima realiti semasa dan meninggalkan tradisi usang serta tafsiran jumud agar dapat mengeluarkan diri daripada kepompong kejahilan.

"Umat Islam tidak dapat lari daripada perubahan memandangkan perubahan adalah suatu atau ketetapan Allah yang pasti berlaku, justeru ummah harus bersedia setiap masa untuk mendepani perubahan.

"Penghijrahan ialah manifestasi tuntutan pembaharuan yang diperlukan seiring perubahan zaman dan zaman sehingga kiamat," titah Sultan Nazrin.

Di Alor Setar, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah ketika bertitah pada Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Kedah, menegaskan umat Islam sepertinya tidak boleh membangkitkan yang boleh mengugat, ny

paduan ummah.

Justeru, Sultan Kedah mengingatkan agar masjid di negeri itu tidak dijadikan tempat berpolitik kerana ia boleh menimbulkan ketidakharmonian dan perpecahan dalam kalangan umat Islam.

"Beta mengharapkan agar umat Islam di Kedah juga sentiasa hidup dalam bersatu padu dan menjaga keharmonian. Antara salah satu sebab perpecahan melanda masyarakat ialah ketidakmampuan mengendalikan hawa nafsu.

"Selain itu, tidak matang dalam memberikan tindak balas dalam perbezaan pendapat sehingga mudah melenting dan bergaduh sesama sendiri walhal, percaduhan itu ada berpunca isu remeh-temeh," titah baginda.

Sultan Sallehuddin bertitah, bibit perpecahan dapat diatasi apabila umat Islam kembali semula kepada ajaran yang paling asas, iaitu berpegang pada roh al-Quran, selain mengambil teledan persaudaraan antara Muhajirin dan Ansar.

Titah baginda, tanpa meremehkan atau meminggirkan kepelbagai budaya, sahaman, kaum dan agama, Rasulullah melakukan perjanjian dan persefahaman dengan pelbagai lapisan masyarakat di Madinah.

Di Kuala Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin mengingatkan umat Islam supaya mengelakkan sifat mementingkan diri, berpuak-puak dan bermusuh disebabkan perbezaan sahaman politik yang tidak tidak sepatutnya berlaku atau terus berlaku.

"Beta mendloakan Terengganu mempunyai masyarakat yang mengutamakan kerukunan, kedamaian dan kesepakatan dalam menghadapi pelbagai kehidupan yang mendatang, sebagai umat Islam, kita perlu menunjukkan contoh terbaik kepada masyarakat bukan Islam," titah baginda.

Bertitah pada Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Terengganu, Sultan Mizan mengajak seluruh rakyat sama ada Islam atau bukan Islam supaya saling menghormati, menjaga keharmonian dan perpaduan.